

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Ghafar dijangka kekal s-usaha agung Barisan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba dijangka mengekalkan jawatan tersebut sehingga selesai pilihanraya umum yang mungkin diadakan tahun hadapan.

Encik Ghafar telah membuktikan kebolehannya sebagai setiausaha agung sejak beberapa tahun lalu.

Lagipun, kata beberapa pemerhati politik di sini, tidak ada orang lain yang dapat menggantikan beliau.

Walaupun terdapat beberapa orang yang cukup berpengalaman untuk dipilih dari kalangan ahli-ahli politik di negara ini, tidak terdapat seselapapun yang "boleh diterima oleh semua

pemimpin parti komponen BN," tambahnya.

Sebaliknya, Encik Ghafar mendapat sokongan dari pemimpin-pemimpin tersebut yang terdiri dari ahli-ahli majlis tertinggi BN.

Pemerhati-pemerhati itu berkata, satu lagi alasan bahawa Encik Ghafar akan terus memainkan peranan dalam BN ialah kurangnya amalan melobi oleh 'calon-calon' yang layak.

Bagaimanapun, kata mereka, bekas pemimpin MCA, Datuk Michael Chen, yang memasuki parti Gerakan baru-baru ini, sesuai memenuhi segala syarat-syarat, kecuali, beliau "tidak begitu rapat dengan pemimpin-pemimpin MCA."